

TARIKH	2 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	10	RUANGAN	01m negerī

Kumpulan pertama 317 jemaah haji tiba di KLIA

SEPANG 1 Nov. - Kumpulan pertama 317 jemaah haji Malaysia selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini dengan menaiki pesawat SV5410 Saudi Airlines.

Pesawat tersebut tiba pada pukul 9.21 malam selepas berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdul Aziz, Jeddah di Arab Saudi pagi tadi.

Ketibaan jemaah disambut oleh ahli keluarga dan saudara-mara masing-masing yang menunggu sejak pukul 7 petang di balai ketibaan.

Salah seorang jemaah haji, **Halimah Sulaiman**, 66, berkata, dia amat bersyukur kerana selamat tiba di tanah air dan dapat bertemu kembali dengan keluarga yang menanti sejak petang.

Katanya yang menetap di Kuala Kangsar, Perak, biarpun tidak sihat ketika menunaikan ibadat tersebut di Mina, keadaan itu tidak mematahkan semangatnya untuk meneruskan hingga selesai.

"Saya pengsan ketika menunaikan ibadat haji dan terpaksa dibawa ke hospital untuk dirawat tetapi Alhamdulillah kerana diberi kekuatan Allah untuk bertahan," katanya

ketika ditemui di sini.

Seorang lagi jemaah haji, **Abdul Rahman Ahmad**, 70, dari Melaka berkata, dia amat bersyukur kerana

dapat menyempurnakan ibadat haji dengan bantuan wakil Tabung Haji yang terlatih.

Menurutnya, semua jemaah juga memberi kerjasama penuh dan sentiasa patuh dengan arahan diberikan pihak Tabung Haji.

"Urusan di sana semuanya berjalan lancar dan kecekapan kaki-

tangan Tabung Haji harus dipuji kerana mereka memastikan setiap hari ibadat kami berjalan dengan baik," katanya yang ditemani isteri, Fatimah Othman, 62.

Norhaisimah Moeid, 52, dari Pelabuhan Klang mengakui terpaksa menyembunyikan kesakitan di bahagian tumit kaki kirinya sejak di tanah air lagi semata-mata tidak mahu melepaskan peluang menunaikan ibadat haji pada tahun ini.

Katanya, walaupun agak risau kemungkinan tidak dapat menyempurnakan ibadat itu pada awalnya, dia kini bersyukur kerana akhirnya semua berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah.



SEBAHAGIAN daripada kumpulan pertama 317 jemaah haji Malaysia selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dengan menaiki pesawat SV5410 Saudi Airlines, malam tadi.